

RANG UNDANG-UNDANG EKSAIS (PINDAAN) 2018

PINDAAN DALAM JAWATANKUASA

1 Fasal 9

Subfasal 9(c) Rang Undang-Undang dipinda dengan menggantikan subperenggan 74(1)(iii) dan (iv) yang dicadangkan dengan subperenggan yang berikut:

“(iii) dalam hal rokok yang mengandungi tembakau atau liquor yang memabukkan yang dikilangkan secara tempatan—

(A) bagi kesalahan pertama, denda tidak kurang daripada sepuluh kali amaun duti eksais atau satu ratus ribu ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, dan tidak lebih daripada dua puluh kali amaun duti eksais atau lima ratus ribu ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, atau pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada enam bulan dan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya; dan

(B) bagi kesalahan kedua atau mana-mana kesalahan yang berikutnya, denda tidak kurang daripada dua puluh kali amaun duti eksais atau dua ratus ribu ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, dan tidak lebih daripada empat puluh kali amaun duti eksais atau satu juta ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, atau pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada enam bulan dan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya; dan

(iv) dalam hal rokok yang mengandungi tembakau atau liquor yang memabukkan yang diimport—

- (A) bagi kesalahan pertama, denda tidak kurang daripada sepuluh kali amaun duti eksais atau satu ratus ribu ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, dan tidak lebih daripada dua puluh kali amaun duti eksais atau lima ratus ribu **ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, atau pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada enam bulan dan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya; dan**
- (B) bagi kesalahan kedua atau mana-mana kesalahan yang berikutnya, denda tidak kurang daripada dua puluh kali amaun duti eksais atau dua ratus ribu ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, dan tidak lebih daripada empat puluh kali amaun duti eksais atau satu juta ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, atau pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada enam bulan dan tidak melebihi lima tahun, atau kedua-duanya.”.

Oleh: YB Tuan Mordi Anak Bimol [Mas Gading]

HURAIAN

Pindaan yang dicadangkan kepada subfasal 9(c) bertujuan untuk meniadakan hukuman sebatan bagi kesalahan di bawah subseksyen 74(1) Akta 176 yang berhubungan dengan rokok yang mengandungi tembakau atau liquor yang memabukkan yang dikilangkan secara tempatan dan yang diimport.

D.R. 31/2018

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Eksais 1976.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Eksais (Pindaan) 2018.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Eksais 1976 [*Akta 176*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam subseksyen 2(1) dalam takrif “nilai” dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) berhubung dengan barang-barang yang dikilangkan secara tempatan, nilai ditentukan di bawah perenggan 85(2)(*bd*);”.

Pindaan seksyen 5B

3. Perenggan 5B(3)(c) Akta ibu dipinda dengan memasukkan sebelum perkataan “suatu rayuan” perkataan “suatu kajian semula atau”.

Penggantian seksyen 47

4. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 47 dengan seksyen berikut:

“Kajian semula dan rayuan terhadap keputusan Ketua Pengarah

47. (1) Tertakluk kepada subseksyen (4), mana-mana orang yang terkilan dengan apa-apa keputusan Ketua Pengarah boleh memohon kepada Ketua Pengarah untuk mengkaji semula mana-mana keputusannya dalam masa tiga puluh hari dari tarikh orang itu diberitahu tentang keputusan itu dengan syarat bahawa tiada rayuan telah dibuat ke atas keputusan yang sama kepada Tribunal atau Mahkamah Tinggi.

(2) Permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan.

(3) Jika suatu permohonan bagi kajian semula telah dibuat di bawah subseksyen (1), Ketua Pengarah hendaklah, jika boleh dilaksanakan dalam masa enam puluh hari dari tarikh permohonan itu diterima, menjalankan kajian semula dan memberitahu keputusan kajian semula itu kepada orang itu.

(4) Tiada kajian semula boleh dibuat dalam apa-apa perkara yang berhubungan dengan kompaun atau subseksyen 67(3).

(5) Mana-mana orang yang terkilan dengan apa-apa keputusan Ketua Pengarah di bawah subseksyen (3) atau mana-mana peruntukan lain Akta ini, kecuali apa-apa perkara yang berhubungan dengan kompaun atau subseksyen 67(3), boleh merayu kepada Tribunal dalam masa tiga puluh hari dari tarikh pemberitahuan secara bertulis mengenai keputusan itu kepada orang yang terkilan itu.

(6) Apa-apa duti eksais yang kena dibayar di bawah Akta ini hendaklah dibayar pada tarikh genap masa walau apa pun apa-apa kajian semula atau rayuan telah dibuat di bawah seksyen ini.

(7) Semua peruntukan yang berhubungan dengan Tribunal Rayuan Kastam hendaklah terpakai bagi Akta ini.”.

Penggantian seksyen 50A

5. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 50A dengan seksyen yang berikut:

“Kuasa penguatkuasaan, penyiasatan dan pemeriksaan

50A. Bagi maksud Akta ini, seorang pegawai kanan eksais hendaklah mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis tidak kira apa jua pangkatnya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] berhubungan dengan penguatkuasaan, penyiasatan dan pemeriksaan, dan kuasa yang sedemikian hendaklah sebagai tambahan kepada kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta ini dan tidak mengurangkan kuasanya.”.

Seksyen baharu 59A

6. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 59 seksyen yang berikut:

“Perintah mahkamah

59A. (1) Jika mana-mana orang didapati bersalah atas suatu kesalahan di bawah Akta ini, mahkamah yang di hadapannya orang itu didapati bersalah hendaklah memerintahkan orang itu supaya membayar kepada Ketua Pengarah amaun duti eksais yang genap masa dan kena dibayar atau penalti yang kena dibayar di bawah Akta ini, jika ada, sebagaimana yang diperakukan oleh Ketua Pengarah dan duti eksais atau penalti itu boleh didapatkan mengikut cara yang sama sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 283 Kanun Tatacara Jenayah.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), mahkamah mempunyai bidang kuasa sivil setakat amaun duit eksais yang genap masa dan kena dibayar, dan perintah itu boleh dikuatkuasakan dalam semua keadaan sebagai suatu penghakiman muktamad mahkamah yang memihak kepada Ketua Pengarah.

(3) Jika mana-mana orang didapati tidak bersalah atas suatu kesalahan di bawah Akta ini telah membayar amaun duit eksais yang genap masa dan kena dibayar atau penalti yang kena dibayar menurut seksyen 82A berkenaan dengan kesalahan yang dipertuduh, mahkamah boleh memerintahkan supaya amaun yang telah dibayar itu dibayar balik kepada orang itu jika tiada notis rayuan difailkan.”.

Pindaan seksyen 71

7. Seksyen 71 Akta itu dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan (c) dengan perenggan yang berikut:

“(c) melancarkan atau menyebabkan dilancarkan atau memalsukan atau menyebabkan dipalsukan apa-apa dokumen yang dikehendaki atau mungkin dikehendaki di bawah Akta ini atau digunakan dalam transaksi apa-apa urusan atau perkara yang berhubungan dengan eksais, atau menggunakan atau menyebabkan digunakan atau dalam apa-apa cara membantu dalam penggunaan dokumen yang dilancarkan atau dipalsukan itu;”;

(b) dengan menggantikan perkataan “boleh, apabila disabitkan,” dengan perkataan “melakukan kesalahan dan boleh, apabila disabitkan,”; dan

(c) dengan menggantikan perkataan “lima tahun” dengan perkataan “tujuh tahun”.

Pindaan seksyen 73

8. Subseksyen 73(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “tidak lebih daripada enam bulan atau denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua-duanya” dengan perkataan “tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau kedua-duanya”.

Pindaan seksyen 74

9. Subseksyen 74(1) Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subperenggan (i) dengan subperenggan yang berikut:

“(i) dalam hal barang-barang yang dikilangkan secara tempatan selain rokok yang mengandungi tembakau dan liquor yang memabukkan—

(A) bagi kesalahan pertama, denda tidak kurang daripada sepuluh kali amaun duti eksais atau lima puluh ribu ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, dan tidak lebih daripada dua puluh kali amaun duti eksais atau lima ratus ribu ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya; dan

(B) bagi kesalahan kedua atau apa-apa kesalahan yang berikutnya, denda tidak kurang daripada dua puluh kali amaun duti eksais atau satu ratus ribu ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, dan tidak lebih daripada empat puluh kali amaun duti eksais atau satu juta ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya:

Dengan syarat bahawa apabila tiada duti eksais terlibat atau amaun duti eksais tidak dapat ditentukan, penalti itu boleh merupakan denda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya;”;

(b) dengan menggantikan subperenggan (ii) dengan subperenggan yang berikut:

“(ii) dalam hal barang-barang yang diimport selain rokok yang mengandungi tembakau dan liquor yang memabukkan—

(A) bagi kesalahan pertama, denda tidak kurang daripada sepuluh kali amaun duti eksais atau lima puluh ribu ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, dan tidak lebih daripada dua puluh kali amaun duti eksais atau lima ratus ribu ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun, atau kedua-duanya; dan

(B) bagi kesalahan kedua atau mana-mana kesalahan yang berikutnya, denda tidak kurang daripada dua puluh kali amaun duti eksais atau satu ratus ribu ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, dan tidak lebih daripada empat puluh kali amaun duti eksais atau satu juta ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun, atau kedua-duanya:

Dengan syarat bahawa jika amaun duti eksais itu tidak dapat ditentukan, penalti itu boleh merupakan denda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya;” dan

(c) dengan memasukkan selepas proviso kepada subperenggan (ii) subperenggan yang berikut:

“(iii) dalam hal rokok yang mengandungi tembakau atau liquor yang memabukkan yang dikilangkan secara tempatan—

(A) bagi kesalahan pertama, denda tidak kurang daripada sepuluh kali amaun duti eksais atau satu ratus ribu ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, dan tidak lebih daripada dua puluh kali amaun duti eksais atau lima ratus ribu ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, atau pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada enam bulan dan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, dan hendaklah dihukum dengan sebatan tidak melebihi tiga sebatan; dan

(B) bagi kesalahan kedua atau mana-mana kesalahan yang berikutnya, denda tidak kurang daripada dua puluh kali amaun duti eksais atau dua ratus ribu ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, dan tidak lebih daripada empat puluh kali amaun duti eksais atau satu juta ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, atau pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada enam bulan dan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, dan hendaklah dihukum dengan sebatan tidak melebihi tiga sebatan; dan

(iv) dalam hal rokok yang mengandungi tembakau atau liquor yang memabukkan yang diimport—

(A) bagi kesalahan pertama, denda tidak kurang daripada sepuluh kali amaun duti eksais atau satu ratus ribu ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, dan tidak lebih daripada dua puluh kali amaun duti eksais atau lima ratus ribu

ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, atau pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada enam bulan dan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, dan hendaklah dihukum dengan sebatan tidak melebihi tiga sebatan; dan

- (B) bagi kesalahan kedua atau mana-mana kesalahan yang berikutnya, denda tidak kurang daripada dua puluh kali amaun duti eksais atau dua ratus ribu ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, dan tidak lebih daripada empat puluh kali amaun duti eksais atau satu juta ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, atau pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada enam bulan dan tidak melebihi lima tahun, atau kedua-duanya, dan hendaklah dihukum dengan sebatan tidak melebihi tiga sebatan.”.

Pindaan seksyen 76

10. Seksyen 76 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “lima” dengan perkataan “lima puluh”.

Pindaan seksyen 77

11. Seksyen 77 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “menyerang atau menghalang” dengan perkataan “menyerang, menghalang, menggalang, mengugut atau mencabul”;
- (b) dalam perenggan (b), dengan memasukkan selepas perkataan “sewajarnya” perkataan “atau mana-mana orang yang telah ditahan”;

- (c) dalam subperenggan (i), dengan menggantikan perkataan “selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit” dengan perkataan “selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau denda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit”; dan
- (d) dalam subperenggan (ii), dengan menggantikan perkataan “selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau denda tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit” dengan perkataan “selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau denda tidak melebihi satu juta ringgit”.

Pindaan seksyen 78

12. Subseksyen 78(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit” dengan perkataan “denda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit”.

Pindaan seksyen 79

13. Seksyen 79 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dua puluh ribu ringgit” dengan perkataan “lima puluh ribu ringgit”.

Seksyen baharu 82A

14. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 82 seksyen yang berikut:

“Duti eksais, *dsb.*, hendaklah kena dibayar walau apa pun apa-apa prosiding, *dsb.*

82A. Permulaan prosiding atau pengenaan suatu penalti, denda atau tempoh pemenjaraan di bawah Akta ini, atau pengkompaunan suatu kesalahan di bawah seksyen 69, tidak melepaskan mana-mana orang daripada tanggungan untuk membayar duti eksais, penalti atau surcay di bawah Akta ini.”.

Pindaan seksyen 85

15. Subseksyen 85(2) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (*bc*) perenggan yang berikut:

“(bd) menentukan nilai bagi maksud pungutan duti eksais;”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang Eksais (Pindaan) 2018 ini bertujuan untuk meminda Akta Eksais 1976 (“Akta 176”). Tujuan utama pindaan ini adalah untuk memperkukuh kuasa penguatkuasaan pegawai eksais dan untuk menaikkan penalti bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta 176.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) Akta 176 dengan menggantikan takrif “nilai” dengan takrif baharu.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda perenggan 5B(3)(c) Akta 176 untuk memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah boleh menolak untuk membuat ketetapan kastam jika dia berpendapat bahawa kajian semula di bawah Akta 176 yang melibatkan hal perkara yang disebut dalam permohonan yang dibuat di bawah seksyen 5A Akta 176 masih belum selesai.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 47 Akta 176 untuk membenarkan mana-mana orang yang terkilan dengan apa-apa keputusan Ketua Pengarah untuk memohon kepada Ketua Pengarah bagi kajian semula mana-mana keputusannya dalam masa tiga puluh hari dari tarikh orang itu telah diberitahu tentang keputusan itu dengan syarat bahawa tiada rayuan telah dibuat ke atas keputusan yang sama kepada Tribunal atau Mahkamah Tinggi. Seksyen 47 yang dicadangkan tidak membenarkan kajian semula dibuat dalam apa-apa perkara yang berhubungan dengan kompaun atau subseksyen 67(3) Akta 176. Peruntukan ini juga membenarkan mana-mana orang yang terkilan dengan apa-apa keputusan Ketua Pengarah atas kajian semula atau di bawah mana-mana peruntukan lain Akta 176, kecuali apa-apa perkara yang berhubungan dengan kompaun atau subseksyen 67(3) Akta 176, untuk merayu kepada Tribunal dalam masa tiga puluh hari dari tarikh pemberitahuan secara bertulis mengenai keputusan itu kepada orang yang terkilan itu. Peruntukan ini juga menjelaskan bahawa apa-apa duti eksais yang kena dibayar di bawah Akta 176 hendaklah dibayar pada tarikh genap masa walau apa pun apa-apa kajian semula atau rayuan telah dibuat di bawah seksyen yang dicadangkan ini.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 50A Akta 176 untuk menyatakan bahawa bagi maksud Akta 176, seorang pegawai kanan eksais hendaklah mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis tidak kira apa jua pangkatnya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] berhubung dengan penguatkuasaan, penyiasatan dan pemeriksaan, dan kuasa itu adalah sebagai tambahan kepada kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta 176 dan tidak mengurangkan kuasanya.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 59A ke dalam Akta 176 untuk menghendaki mahkamah yang di hadapannya seseorang itu didapati bersalah atas suatu kesalahan di bawah Akta 176 untuk memerintahkan orang itu untuk membayar kepada Ketua Pengarah amaun duti eksais yang genap masa dan kena dibayar atau penalti yang kena dibayar di bawah Akta 176 dan duti eksais atau penalti itu boleh didapatkan mengikut cara yang sama sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 283 Kanun Tatacara Jenayah. Bagi maksud seksyen baharu 59A yang dicadangkan, mahkamah mempunyai bidang kuasa sivil setakat amaun duti eksais yang genap masa dan kena dibayar, dan perintah itu boleh dikuatkuasakan dalam semua keadaan sebagai suatu penghakiman muktamad mahkamah yang memihak kepada Ketua Pengarah. Apabila mana-mana orang telah didapati tidak bersalah ke atas suatu kesalahan di bawah Akta 176 ini dan dia telah membayar duti eksais yang genap masa dan kena dibayar atau penalti yang kena dibayar menurut seksyen 82A yang dicadangkan, mahkamah boleh memerintahkan amaun yang telah dibayar itu dibayar balik jika tiada notis rayuan difailkan.

8. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 71 Akta 176.

Subfasal 7(a) bertujuan untuk meminda perenggan 71(c) Akta 176 untuk menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang menyebabkan apa-apa dokumen yang dikehendaki atau mungkin dikehendaki di bawah Akta 176 atau digunakan dalam transaksi apa-apa urusan atau perkara yang berhubungan dengan eksais dilancarkan atau dipalsukan atau yang menyebabkan digunakan atau membantu dalam penggunaan dokumen yang dilancarkan atau dipalsukan.

Subfasal 7(c) bertujuan untuk meminda seksyen 71 Akta 176 untuk menaikkan tempoh pemenjaraan bagi kesalahan yang dinyatakan di bawah perenggan 71(1)(a) hingga (f) Akta 176 daripada lima tahun kepada tujuh tahun.

9. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda subseksyen 73(1) Akta 176 untuk menaikkan penalti bagi kesalahan keengganan memberikan maklumat atau memberikan maklumat palsu daripada pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau kedua-duanya kepada pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.

10. *Fasal 9* bertujuan untuk bertujuan untuk meminda seksyen 74 Akta 176.

Subfasal 9(a) bertujuan untuk meminda subperenggan 74(1)(i) Akta 176 untuk menaikkan penalti bagi kesalahan di bawah subseksyen 74(1) Akta 176 yang berhubungan dengan barang-barang yang dikilangkan secara tempatan selain rokok yang mengandungi tembakau dan liquor yang memabukkan. Bagi kesalahan pertama penalti dinaikkan kepada denda tidak kurang daripada sepuluh kali amaun duti eksais atau lima puluh ribu ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, dan tidak lebih daripada dua puluh kali amaun duti eksais atau lima ratus ribu ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya. Bagi kesalahan kedua atau mana-mana kesalahan berikutnya, penalti dinaikkan kepada denda tidak kurang daripada dua puluh kali amaun duti eksais atau satu ratus ribu ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, dan tidak lebih daripada empat puluh kali amaun duti eksais atau satu juta ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

Subfasal 9(b) bertujuan untuk meminda subperenggan 74(1)(ii) Akta 176 untuk menaikkan penalti bagi kesalahan di bawah subseksyen 74(1) Akta 176 yang berhubungan dengan barang-barang yang diimport selain rokok yang mengandungi tembakau dan liquor yang memabukkan. Bagi kesalahan pertama, penalti dinaikkan kepada denda tidak kurang daripada sepuluh kali nilai duti eksais atau lima puluh ribu ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, dan tidak lebih daripada dua puluh kali nilai duti eksais atau lima ratus ribu ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya. Bagi kesalahan kedua atau mana-mana kesalahan yang berikutnya, penalti dinaikkan kepada denda tidak kurang daripada dua puluh kali amaun duti eksais atau satu ratus ribu ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, dan tidak lebih daripada empat puluh kali amaun duti eksais atau satu juta ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

Subfasal 9(c) bertujuan untuk memasukkan subperenggan baharu 74(1)(iii) dan (iv) ke dalam Akta 176. Subperenggan 74(1)(iii) yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan penalti khusus bagi kesalahan di bawah subseksyen 74(1) Akta 176 yang berhubungan dengan rokok yang mengandungi tembakau dan liquor yang memabukkan yang dikilangkan secara tempatan. Subperenggan 74(1)(iv) yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan penalti khusus bagi kesalahan di bawah subseksyen 74(1) Akta 176 yang berhubungan dengan rokok yang mengandungi tembakau dan liquor yang memabukkan yang diimport. Pindaan ini dibuat untuk menghalang penyeludupan rokok yang mengandungi tembakau atau liquor yang memabukkan yang sekarang ini semakin meningkat, dan untuk mencegah kehilangan hasil Kerajaan.

11. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 76 Akta 176 untuk menaikkan penalti bagi kesalahan di bawah seksyen 76A Akta 176 daripada denda tidak melebihi lima ribu ringgit kepada denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

12. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 77 Akta 176.

Subfasal 11(a) bertujuan untuk meminda perenggan 77(a) Akta 176 untuk memperuntukkan bahawa tiap-tiap orang yang menggalang, mengugut atau mencabul mana-mana pegawai eksais atau pekhidmat awam lain atau mana-mana orang yang bertindak menolong atau membantunya atau diambil bekerja dengan sewajarnya bagi pencegahan kesalahan di bawah Akta 176, melakukan suatu kesalahan.

Subfasal 11(b) bertujuan untuk meminda perenggan 77(b) Akta 176 untuk memperuntukkan bahawa tiap-tiap orang yang menyelamatkan atau membantu menyelamatkan, atau menyebabkan diselamatkan mana-mana orang yang ditahan adalah melakukan suatu kesalahan.

Subfasal 11(c) dan *(d)* bertujuan untuk meminda subperenggan 77(i) dan (ii) Akta 176 untuk menaikkan penalti bagi kesalahan di bawah perenggan 77(a), (b) atau (c) Akta 176. Bagi sabitan pertama, penalti dinaikkan daripada pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya kepada pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau denda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau kedua-duanya. Bagi sabitan kedua atau sabitan yang berikutnya, penalti dinaikkan daripada pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau kedua-duanya kepada pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau denda tidak melebihi satu juta ringgit atau kedua-duanya.

13. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda subseksyen 78(1) Akta 176 untuk menaikkan denda bagi kesalahan di bawah subseksyen 78(1) Akta 176 daripada denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit kepada denda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.

14. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda seksyen 79 Akta 176 untuk menaikkan penalti am yang berkenaan dengannya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata daripada denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit kepada denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit bagi kesalahan terhadap Akta 176.

15. *Fasal 14* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 82A ke dalam Akta 176 untuk memperuntukkan bahawa duti eksais, penalti atau surcay di bawah Akta 176 tetap kena dibayar oleh orang yang bertanggungjawab untuk membayar duti eksais, penalti atau surcay itu walau apa pun prosiding telah dimulakan atau penalti, denda atau tempoh pemenjaraan telah dikenakan terhadap orang itu di bawah Akta 176.

16. *Fasal 15* bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu 85(2)(bd) ke dalam Akta 176 untuk memberi Menteri kuasa untuk mengawal selia penentuan nilai bagi maksud pungutan duti eksais.

17. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini adalah pindaan kecil atau berbangkit.

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U2)2963]